

Pemimpin dunia sanjung perjuangan Yasser - Abdullah

MM - 14/11/2004: 2 Perdana

KUALA LUMPUR 13 Nov. - Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini berkata ramai pemimpin dunia menyanjungi perjuangan pemimpin Palestin Yasser Arafat.

Beliau berkata kehadiran begitu ramai pemimpin dunia dalam upacara penghormatan terakhir pemimpin Palestin yang diadakan di Kaherah, Mesir semalam menunjukkan sanjungan mereka terhadap Arafat yang telah mengabdikan diri memperjuangkan nasib rakyat dan bagi kewujudan sebuah negara Palestin.

"Saya boleh buat andaian kehadiran ramai pemimpin-pemimpin dunia menunjukkan bahawa mereka menyanju-

ngi perjuangan Allahyarham Yasser Arafat dan mereka kenal baik Allahyarham.

"Dalam percakapan-percakapan itu mereka (pemimpin dunia) mengakui betapa sedihnya pemergian beliau," katanya kepada pemberita di Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) di Subang, di sini sekembalinya daripada menghadiri upacara penghormatan terakhir pemimpin Palestin itu.

Abdullah menyertai kira-kira 50 pemimpin dunia menghadiri upacara penghormatan terakhir Arafat di Masjid kelab pegawai-pegawai tentera di Kaherah semalam dan tiba di tanah air pukul 4.30 pagi ini.

Abdullah, yang juga pengerusi Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) dan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) berpuas hati dapat menghadiri majlis itu bersama-sama pemimpin dunia yang lain.

Beliau turut menemui pemimpin pergerakan Fatah Farouk Kaddoumi dan pemimpin Pertubuhan Pembebasan Palestin (PLO) Mahmoud Abbas bagi menyampaikan salam takziah Malaysia kepada rakyat Palestin.

"Saya telah dapat menyakinkan bahawa Malaysia tetap bersama rakyat Palestin dan perjuangan mereka untuk mencapai matlamat mewujudkan negara Palestin yang merdeka dan berdaulat

dan mereka ucapkan terima kasih atas kehadiran saya," katanya.

Abdullah berkata beliau turut menyampaikan penghargaan kepada presiden Mesir Hosni Mubarak ketika menemuinya, atas kesediaan kerajaan Mesir membenarkan upacara penghormatan terakhir Arafat diadakan di Kaherah.

Beliau turut berkesempatan menemui presiden Sudan Omar al-Bashir dan Perdana Menteri Pakistan yang baru dilantik pada 28 Ogos lalu, Shaukat Aziz.

Shaukat, yang mempunyai pengalaman lebih 30 tahun dalam bidang kewangan global dan perbankan antarabangsa pernah berkhidmat di Malaysia.

Abdullah diiringi Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar, Ketua Setiausaha Kementerian Luar Tan Sri Ahmad Fuzi Abdul Razak dan Penasihat Hal Ehwal Luar Negeri Perdana Menteri Tan Sri Abdul Kadir Mohamad semasa menghadiri majlis penghormatan itu.

Arafat, 75, meninggal dunia dua hari lepas (Khamis) di Hospital Tentera Percy, Clamart, Perancis.

Jenazahnya telah diterbangkan ke Kaherah, Mesir semalam untuk upacara penghormatan terakhir sebelum dibawa dengan helikopter ke perkarangan ibu pejabat pihak berkuasa Palestin di Ramallah untuk dikebumikan. - Bernama